

Isu pekerja asing perlu selesai ikut persefahaman majikan-kesatuan, kata Zahid
Malaysian Insider
Nov 25, 2015

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mahu isu berkaitan pekerja asing diselesaikan mengikut persefahaman majikan dan kesatuan sekerja.

Beliau berkata kerajaan sentiasa peka dengan keperluan pihak berkenaan berhubung isu pekerja asing, dan cuba membantu dengan sebaik mungkin.

"Kerajaan diminta majikan terutamanya sektor pembinaan, pembuatan perabot dan perladangan yang memerlukan pekerja asing.

"(Tetapi) ada segelintir pihak luar seperti kesatuan sekerja dan parti politik mempolitikkan pula isu ini," katanya ketika berucap pada jamuan malam Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) di Subang Jaya, malam ini.

Sementara itu, Zahid yang juga menteri dalam negeri mengingatkan majikan supaya menyediakan kemudahan asas mencukupi untuk pekerja asing dan tidak melakukan penganiayaan terhadap mereka.

Beliau berkata sistem dalam talian bagi mendaftar dan memantau pekerja Bangladesh, yang diumumkan kerajaan baru-baru ini, bertujuan mengelak mereka daripada menjadi mangsa 'orang tengah' yang mahu mengendalikan kemasukan pekerja asing itu.

"Mereka pekerja sah. Selepas bekerja satu atau dua tahun, orang tengah (ejen) tidak membaharui permit mereka...inilah yang menjadikan mereka pekerja haram," katanya. – Bernama, 25 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isu-pekerja-asing-perlu-selesai-ikut-persefahaman-majikan-kesatuan-kata-zah>